

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1998/99

September 1999

**YTP 221 – Penerbitan Audio**

Masa: 2 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 3 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Jawab DUA (2) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Majalah radio bertujuan untuk memberi maklumat dan hiburan yang menarik melalui beberapa segmen. Dengan merujuk kepada penerbitan majalah anda, nilaiakan cabaran-cabaran yang dihadapi anda dengan memberi perhatian kepada kandungan segmen, susunan segmen, stail penyampaian, adunan bunyi dan muzik serta penerbitan rancangan tersebut di dalam studio bunyi.

(100 markah)

2. Anda ditugaskan untuk membuat satu laporan radio berhubung dengan isu pengharaman penggunaan kereta dan motorsikal di kalangan pelajar di USM. Sediakan satu kertas kerja yang membentangkan fokus perbincangan anda dan justifikasinya. Kertas kerja anda juga akan menetapkan empat pihak yang akan ditemuramah dan sekurang-kurangnya empat soalan yang akan dikemukakan kepada pihak-pihak tersebut.

(100 markah)

3. Sebagai seorang penerbit radio, anda ditugaskan untuk menyediakan satu pengumuman perkhidmatan awam mengenai pentingnya sarapan pagi dalam kehidupan seharian. Tuliskan satu skrip penerbitan yang lengkap selama 30 saat dengan memberi perhatian kepada ciri-ciri medium ini.

(100 markah)